

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]

TARIKH : 03 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7170

SOALAN:

Tuan Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) mengapa beliau enggan mendedahkan butir-butir ahli panel Akta Pencegahan Jenayah (PCA), termasuk latar belakang mereka; dan
- (b) pihak yang bertanggungjawab untuk melantik ahli panel tersebut dan sama ada ahli panel ini bertanggungjawab kepada Parlimen dan rakyat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Pencegahan Jenayah (LPJ) telah ditubuhkan berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 7B Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297) yang terdiri daripada seorang Pengerusi dan empat (4) orang ahli yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong bagi tempoh tidak melebihi dua (2) tahun dan boleh dilantik semula bagi tempoh tidak melebihi dua (2) tahun. Pengerusi Lembaga adalah terdiri daripada mereka yang sedang berkhidmat, atau pernah berkhidmat atau mempunyai kelayakan sebagai seorang hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi maksud tanggungjawab Lembaga Pencegahan Jenayah kepada Parlimen dan rakyat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 19E Akta Pencegahan Jenayah 1959 (Akta 297), YB Menteri Dalam Negeri akan mengemukakan Laporan Tahunan bagi Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Lembaga ini di bawah Bahagian IVA Akta ini kepada Parlimen tidak lewat daripada Mesyuarat Pertama Parlimen setiap tahun.

Manakala, di bawah peruntukan seksyen 19F Akta yang sama, Dewan Yang Mulia ini akan menyemak dan membuat kajian semula ke atas penguatkuasaan Bahagian IVA pada setiap lima (5) tahun. Hasil semakan dan kajian semula tersebut membolehkan kedua-dua Dewan Parlimen meluluskan suatu resolusi sama ada untuk meneruskan atau memberhentikan penguatkuasaan Bahagian IVA Akta ini yang berkaitan dengan kuasa-kuasa Lembaga Pencegahan Jenayah untuk mengeluarkan Perintah Tahanan.

SOALAN (29)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2014
[ISNIN]**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG
[LAWAS]**

SOALAN :-

Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk melaksanakan program rumah murah/mampu milik di daerah Lawas.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan bagi pelaksanaan di sesuatu kawasan atau negeri adalah melalui syor yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan dan tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat yang berkaitan. Setakat ini, tiada projek Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri bagi kawasan Lawas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
[KALABAKAN]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN : 30

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan]
minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah Kementerian maklum tentang penyebab sebenarnya mengapa kejadian gajah menyerang di Felda Umas-Umas di Kalabakan berlaku; dan
- (b) jika maklum apakah perancangan kementerian untuk menentukan agar dapat dikenal pasti dan tindakan sewajarnya diambil untuk mengelakkan perkara ini tidak berulang lagi.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM, TIMBALAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kawasan FELDA Umas-Umas dan ladang berhampiran di Kalabakan dipercayai sebagai habitat asal kumpulan gajah ini iaitu kawasan berhampiran sepanjang Sungai Umas. Kesan daripada pembangunan kawasan tersebut pada awal tahun 1980 untuk penempatan dan perladangan menyebabkan kawasan hutan asal yang menjadi habitat dan sumber makanan telah berkurangan. Oleh itu, haiwan tersebut akan memakan apa sahaja sumber makanan yang terdapat di laluan utama haiwan tersebut. Bermula pada tahun 2012 hingga kini, program tanam semula di kawasan FELDA Umas-umas telah menarik perhatian kumpulan gajah masuk ke kawasan tanam semula kerana terdapatnya sumber makanan iaitu umbut kelapa sawit iaitu semasa kerja-kerja mencincang pokok sawit tua dan anak pokok sawit yang baharu ditanam.

Bagi mengatasi masalah dan kerugian kesan kemasukan dan serangan gajah berkenaan, pengurusan rancangan Umas telah bekerjasama dengan Jabatan Hidupan Liar dan Wildlife Rescue Unit (WRU) Sabah, ladang berhampiran dan masyarakat setempat untuk menangkap dan memindahkan kumpulan gajah tersebut ke kawasan hutan simpan berhampiran. Hasilnya sehingga April 2014, sebanyak lapan (8) ekor gajah telah dipindahkan ke Hutan Simpan Gunung Rara Luasong.

Selain itu, pengurusan rancangan Umas juga telah membina pagar elektrik sepanjang 23 kilometer di sekitar ladang yang berisiko menjadi laluan masuk kumpulan gajah. Pembinaan pagar tambahan sepanjang 15 kilometer juga telah dirancang bagi kawasan yang belum dibina pagar.

Sekian. Terima kasih.